


# Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan

## Empat Puluh Tahun



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes  
Alastair Paterson

Digambar oleh: Janie Forest  
Alastair Paterson


Disadur oleh: Lyn Doerksen

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children  
[www.M1914.org](http://www.M1914.org)


©2024 Bible for Children, Inc.  
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau  
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

1



Saat Tuhan menyelamatkan orang-orang  
Israel keluar dari tanah Mesir, Musa  
memimpin orang-orang itu dalam pujian.  
Dia membuat satu pujian penyembahan.  
"Aku akan menyanyi bagi Tuhan, sebab Ia  
mempunyai keagungan dan kejayaan."  
Musa bernyanyi atas sesuatu  
yang besar yang Allah  
lakukan untuk  
Israel.

**HALELUYAH!**  
**BERSUKA CITALAH**  
**KEPADA TUHAN!**




2



Setelah tiga hari di padang gurun orang-orang yang haus itu menemukan sebuah kolam. Tetapi mereka tidak boleh minum air yang pahit. Tapi mereka bukannya berdoa, tapi orang-orang itu malah merungut.

Allah sangat baik. Dia membuat air itu selamat untuk diminum.

3



Nampaknya orang Israel bersungut tentang semua hal. "Kami punya makanan di Mesir. Tapi di padang gurun ini kami akan mati kelaparan," mereka menangis. Pada malam itu Tuhan menghantar burung-burung yang disebut burung puyuh. Orang-orang menangkapnya dengan mudah.


4



Di pagi hari seterusnya Allah mengirim manna. Manna adalah semacam roti yang berasa madu. Setiap pagi manna itu bertebaran di tanah siap untuk dikumpulkan.

Dengan cara ini Tuhan memberi umatnya makan di padang gurun.

5



Mereka percaya kepada Allah untuk makanan yang baru setiap hari. Tetapi beberapa orang mengumpulkan manna berlebihan, walaupun Allah berkata manna itu akan membusuk lepas satu malam.

6



Sudah tentu, manna semalam penuh dengan ulat -- kecuali pada hari Sabat. Pada hari ketujuh yang istimewa itu orang ramai berehat dan makan manna semalam.


7



Tuhan menjaga orang Israel Ketika mereka di padang pasir. Dia memberi mereka makanan dan air -- dan melindungi mereka daripada musuh mereka.


Apabila orang Amalek menyerang, Israel memenangi setiap pertempuran selagi Musa mengangkat tongkatnya kepada Tuhan.

8



Tuhan berkata kepada orang Israel, "Jika kamu menuruti firman-Ku, kamu akan menjadi umat pilihan-Ku." "Apa sahaja yang Tuhan katakan, kami akan melakukannya," kata orang ramai kepada Musa. Mereka pergi ke kaki Gunung Sinai dan menunggu sementara Musa pergi menemui Tuhan.

9



Musa bersama Tuhan berada di Gunung Sinai selama empat puluh hari. Tuhan menulis Sepuluh Hukum pada dua loh batu. Dia memberitahu Musa bagaimana Dia mahu umat-Nya Hidup.

10

1. "Jangan ada Allah lain kepadamu selain Aku."
2. "Jangan membuat atau menyembah kepada patung."
3. "Jangan menyebut nama Tuhan Allahmu dengan sembarangan."


4. "Ingatlah hari Sabat dan kuduskanlah itu."
5. "Hormatilah ayahmu dan ibumu."

11

6. "Jangan membunuh."
7. "Jangan berzinah."
8. "Jangan mencuri."


9. "Jangan berdusta."
10. "Jangan mengingini milik sesamamu."

12



Semasa Musa bersama Tuhan di Gunung Sinai, orang Israel melakukan sesuatu yang mengerikan. Mereka meminta Harun membuat anak lembu emas - dan mereka menyembahnya sebagai ganti kepada Tuhan.


13



Apabila Musa melihat anak lembu emas dan orang ramai menari, dia menghempaskan loh batu itu ke tanah. Dalam kemarahan, Musa memusnahkan patung emas itu. Dia membunuh orang jahat yang menyembah patung emas itu.

14

Allah menggantikan dua loh batu. Dia menyuruh Musa membina Khemah Suci - sebuah khemah besar dengan pagar di sekelilingnya - di mana Tuhan akan tinggal bersama umat-Nya. Mereka memuji Tuhan di sana. Tiang awan dan tiang api membuktikan kehadiran Tuhan bersama mereka.



15

Semasa mereka berada berhampiran Kanaan, Musa menghantar dua belas pengintip untuk meninjau tanah yang telah dijanjikan Tuhan kepada umat-Nya. Mereka memuji Tuhan di sana.



16

Tiang awan dan tiang api menunjukkan kehadiran Tuhan kepada mereka. Tetapi hanya dua lelaki, Yosua dan Kaleb, percaya bahawa mereka boleh menakluki negeri itu dengan bantuan Tuhan.



17


Sepuluh pengintip yang lain takut kepada kota-kota yang kelihatan kuat dan megah di negeri itu. "Kita tidak boleh mengambil tanah itu," mereka mengeluh.



18

Mereka telah lupa perkara-perkara besar yang telah Tuhan lakukan untuk membebaskan mereka dari Mesir.

Orang ramai itu percaya akan sepuluh pengintip yang tidak beriman itu. Mereka menangis dan bersiap untuk pulang ke Mesir. Mereka juga cuba membunuh Musa!



19

Tuhan menyelamatkan nyawa Musa. Lalu Dia berkata kepada umat-Nya, "Empat puluh tahun kamu mengembara di padang gurun. Hanya Kaleb, Yosua dan anak-anakmu yang akan tinggal di negeri yang kamu hina itu."



20

Empat Puluh Tahun


satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

Keluaran 15 - Bilangan 14

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

21



12

60

22

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihinya kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

23